

27/02/2003

Perkukuh pengaruh OIC bela maruah negara Islam

DR MAHATHIR: Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan

Islam (OIC) bersama dengan dua lagi bukan anggota NAM yang menganggotai OIC, mengadakan mesyuarat tidak rasmi hari ini untuk mendengar pandangan dari semua anggotanya berkaitan situasi semasa di Palestin dan kemungkinan

serangan ke atas Iraq. Kami mempunyai pandangan yang sama mengenai dua isu

berkenaan, iaitu kami mahu mencari jalan menghentikan pembunuhan rakyat Palestin oleh Israel, serta mahu melihat Iraq tidak diceroboh kuasa asing. Kami juga bersetuju yang Iraq perlu mematuhi sepenuhnya dengan permintaan dari pasukan pemeriksa senjata (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) untuk memeriksa kemungkinan adanya senjata pemusnah yang disimpan

Iraq. Iraq menafikan mereka ada senjata pemusnah dan mereka juga mengekalkan jemputan kepada mana-mana pihak yang mahu melihat sendiri, untuk pergi ke sana. Jadi, anggota OIC tidak meragui Iraq dan mereka tidak

melihat keperluan buat masa ini untuk pergi. Bagaimanapun, mereka bimbang

sekiranya Iraq tidak dapat membuktikan senjata berkenaan, Iraq mungkin akan dituduh menyembunyikan senjata pemusnah dan kesannya adalah Iraq akan

diserang. Di dalam situasi ini, kita bertanya sesama kita apa yang boleh kita buat. Pada keseluruhannya, semua bersetuju yang kita patut bersepakat

dengan negara yang turut membantah serangan terhadap Iraq terutama dari negara Eropah seperti Perancis, Jerman, Belgium dan Russia. Kami harap, dengan menjalin kesepakatan dengan mereka, kita mampu mempengaruhi Amerika

Syarikat. Memang ada perbezaan pendapat tetapi ia bukan percanggahan besar

dan kita dapat bekerjasama sesama anggota. Ada juga cadangan untuk menggunakan kekayaan sumber minyak dalam usaha untuk memberi tekanan.

Bagaimana ia dapat dilakukan satu perkara lain tetapi semua setuju keperluan bagi kita untuk memikirkan perkara ini. Ini sesuatu yang berbahaya kerana ada yang kata, ia boleh menimbulkan banyak kesan tetapi jika kita tak fikir mengenai perkara ini, kita tidak berupaya memberi pengaruh kita. Ada juga beberapa cadangan kecil lain yang tidak begitu penting tetapi kita semua setuju yang kita patut cuba mempengaruhi seramai mungkin.

Ada cadangan yang meminta saya menulis, sebagai Pengerusi NAM dan mesyuarat tidak rasmi ini, kepada anggota Majlis Keselamatan PBB serta Kesatuan Eropah (EU) bagi menggesa mereka membantah serangan ke atas Iraq.

Mesyuarat ini sangat berguna kerana banyak idea dan pandangan yang boleh difikirkan tetapi kita belum membuat keputusan tetap.

SOALAN: Apakah isu yang akan diutarakan dalam Sidang Tergempar OIC di Doha, Qatar?

DR MAHATHIR: Isu pokok adalah Palestin dan Iraq. Ia diadakan pada 4 dan 5 Mac ini. Ramai anggota OIC, termasuk Malaysia akan hadir.

SOALAN: Ketika cadangan menggunakan sumber minyak diutarakan, adakah anggota mempunyai pandangan yang bertentangan dengannya?

DR MAHATHIR: Tidak. Tak ada pertentangan pendapat tetapi ia tidak dibincangkan secara teliti. Pasti, ada pandangan yang mengatakan kaedah itu mungkin akan memberi kesan yang memaksa kita menanggung sesuatu yang merugikan kita semua. Tetapi secara keseluruhannya, semua bersetuju yang kita patut meneliti cadangan itu. Kita bersetuju untuk fikirkannya dan tidak ditolak terus.

SOALAN: Apakah Datuk Seri akan menulis surat kepada anggota Majlis Keselamatan PBB? Soalan kedua OIC dikritik sebagai badan yang tidak lagi penting dan sebagai bakal pengerusi badan itu kelak, apakah akan Malaysia lakukan untuk mengubah tanggapan ini. Soalan ketiga saya adalah, ada khabar angin yang mengatakan sidang OIC di Malaysia Oktober ini ingin dibatalkan. Bolehkah Datuk Seri jelaskan?

DR MAHATHIR: Saya pastinya akan menulis, baik dalam kapasiti peribadi atau sebagai Perdana Menteri Malaysia. Saya telah menulis kepada ramai orang untuk cuba pengaruh (orang). Tidak ada salahnya menulis sebagai pengerusi NAM kepada anggota Majlis Keselamatan. Bagi soalan kedua, kita akan melakukan apa yang terdaya untuk mengukuhkan OIC. Saya tidak fikir yang OIC tidak lagi relevan. Saya masih rasa OIC adalah penting, walaupun ada banyak kelemahannya, ia masih mempunyai pengaruh. Jadi, kita perlu bekerja untuk melihat bagaimana untuk mengukuhkan OIC. Soalan ketiga, tidak benar khabar angin itu.

SOALAN: Pandangan Setiausaha Agung .....(soalan tidak jelas)

DR MAHATHIR: Jika Muslim tidak bersatu, habislah kita satu persatu. Begitu juga kepada NAM. Kita tahu kita lemah dan tidak ada satu kuasa besar di kalangan umat Islam. Jadi, jika kita tidak bertindak bersama dan sepakat dalam strategi asas, pastinya kita akan dicap sebagai tidak berwibawa untuk melakukan apa juga.

SOALAN: Apakah Troika akan ke Baghdad untuk meneliti sama ada wujud senjata pemusnah di sana atau tidak?

DR MAHATHIR: Ada idea untuk kita ke Baghdad. Namun, jika kita pergi ke sana, saya tidak fikir yang kita boleh buat banyak kerana apa juga yang kita jumpa, ia tidak akan dipercayai. Sebagai contoh, jika kita pergi ke Baghdad dan tidak menjumpai sebarang bukti yang mengatakan Iraq mempunyai senjata pemusnah, kita tidak akan dipercayai. Jika pasukan pemeriksa (PBB) yang terdiri dari kalangan pakar juga tidak dipercayai apabila mengatakan dalam laporan mereka bahawa tidak ada senjata pemusnah di sana, mengapa perlu orang percaya kepada kita. Kita akan percaya (yang tidak ada senjata pemusnah di Iraq) tetapi ia tidak memberi sebarang kesan.

SOALAN: Sejauh manakah tindakan menggunakan minyak boleh

dieksploitasikan?

DR MAHATHIR: Minyak adalah "senjata bermata dua", jika harga minyak naik, banyak negara di Selatan yang terpaksa menanggung keperitan terutama negara miskin yang tidak mempunyai sumber minyak. Kerana itu, saya cadangkan supaya kita fikirkan perkara ini. Kita patut berhati-hati menggunakan senjata ini kerana ia mungkin lebih memudaratkan kita. Mengenai cadangan resolusi PBB, PBB masih belum mengadakan resolusi baru itu selain daripada 1441. Ada cadangan dari Britain dan Amerika, saya rasa mereka (Majlis Keselamatan) akan melihat cadangan ini tetapi pandangan kita ialah, tidak perlu mengadakan resolusi lain kerana resolusi yang ada sekarang mencukupi dan biarkan pasukan pemeriksa senjata berkenaan menyambung kerja mereka sama ada Iraq mempunyai senjata pemusnah atau tidak.

SOALAN: Mengenai surat kepada Majlis Keselamatan, apa reaksi anda jika mereka tidak memberi maklum balas?

DR MAHATHIR: Kita tidak tahu apa mereka buat (dengan surat itu), mungkin mereka buang dalam tong sampah atau mereka akan menjawab. Saya pasti mereka akan meyakinkan kita lagi apa yang mereka lakukan adalah perkara yang betul. Sekurang-kurangnya akan ada orang yang akan bercakap bagi pihak kita dalam Majlis Keselamatan. Surat kita itu juga mungkin akan menambah kepada debat di dalam majlis berkenaan kerana OIC adalah sekumpulan negara yang dianggotai ramai orang dan pandangan mereka perlu diberi perhatian.

SOALAN: Adakah mesyuarat tidak rasmi OIC membuat keputusan untuk menghantar jawatankuasa siasatan ke Palestin bagi siasat jenayah yang dilakukan Israel di wilayah itu?

DR MAHATHIR: Kita tidak membuat apa-apa keputusan untuk menghantar sesiapa bagi melihat apa yang berlaku di Palestin. Ini kerana apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengambil keputusan untuk menghantar ke Jenin, Israel tidak membenarkan. Oleh itu, kita beranggapan tiada sebab untuk Israel memberi kebenaran untuk kita ke Palestin. Oleh itu, tiada keputusan diambil untuk berbuat demikian. Kita akan berusaha untuk mempengaruhi Amerika bagi mempengaruhi Israel supaya menghentikan kekejaman di Palestin. Pada masa yang sama, kita juga perlu mengenal pasti apa yang Palestin ingin atau perlu lakukan bagi menghentikan kekejaman ini.

SOALAN: Ada beberapa negara OIC yang berkawan rapat dengan Amerika. Bagaimana keadaan ini membolehkan OIC mencapai konsensus dalam isu Iraq? Adakah mesyuarat membuat cadangan untuk perubahan rejim di Iraq dan meminta Saddam Hussein bersara?

DR MAHATHIR: Memang ada beberapa negara Islam yang bersahabat dengan Amerika. Kita berharap mereka ini boleh mempengaruhi Amerika tetapi setakat ini, tiada tanda-tanda ia berlaku. Bagaimanapun, memang ada konsensus berhubung isu Palestin dan Iraq, termasuk dari kalangan negara yang rapat dengan Amerika. Mereka mahu sesuatu dilakukan bagi membantu Palestin dan menentang cadangan serangan ke atas Iraq. Tiada sebarang cadangan mengenai perubahan rejim. Mesyuarat sebulat suara bersetuju perkara ini adalah urusan rakyat Iraq sendiri.

SOALAN: Adakah keputusan yang dicapai dalam mesyuarat tidak formal ini akan diterima di Qatar?

DR MAHATHIR: Mesyuarat hari ini sebulat suara bersetuju dengan kandungan ucapan saya, yang antara lain menyebut kita semua perlu bekerjasama dengan kuasa dari Utara (negara Utara), yang turut menentang peperangan. Kita perlu menyertai mereka dan ini merangkumi negara seperti Perancis, Jerman, Belgium dan Russia. Mesyuarat juga memperakukan pendekatan ini.

SOALAN: Adakah semua pihak bersetuju supaya minyak digunakan sebagai senjata membantah usaha Amerika untuk menyerang Iraq? Difahamkan Iraq tidak bersetuju dengan persidangan di Qatar kerana beranggapan Qatar tidak menyokong mereka?

DR MAHATHIR: Tidak ada persetujuan untuk menggunakan minyak sebagai senjata, cuma ada persetujuan untuk memikir dan mempertimbangkan cadangan kemungkinan menggunakan minyak ini sebagai senjata. Mengenai kemungkinan Iraq tidak mahu menyertai sidang OIC di Qatar, seperti mesyuarat ini, ada yang datang dan ada yang tidak. Selagi ada korum, mesyuarat boleh diadakan.

SOALAN: Apakah NAM dan OIC akan menerima usaha Amerika mewujudkan kerajaan baru di Iraq?

DR MAHATHIR: Kita akan memikirkan perkara ini apabila sampai masanya. Jika kerajaan baru itu diterima baik oleh rakyat Iraq, tiada sebab untuk kita menolaknya. Kita tidak boleh kata kita tidak terima kerajaan ini. Bagaimanapun, semuanya bergantung kepada rakyat Iraq.

SOALAN: Apakah inisiatif Datuk Seri sebagai Pengerusi NAM dalam tempoh tiga tahun ini?

DR MAHATHIR: Buat masa ini, saya tidak mempunyai banyak idea. Tetapi, saya perlu kenal pasti tugas dan kedudukan sebagai pengerusi. Pengerusi adalah Malaysia, bukan saya secara peribadi. Kita perlu kenal pasti apa kelemahan NAM dan bagaimana mahu melaksanakan cadangan yang dipersetujui dalam dokumen NAM. Saya percaya NAM ada kekuatan selain kelemahan dan perlu mencari jalan untuk menggunakan segala kekuatan yang ada pada NAM.

SOALAN: Mengenai cadangan supaya Iraq memusnahkan peluru berpandunya, adakah Iraq akan patuh?

DR MAHATHIR: Mereka kata peluru berpandu ini perlu dimusnahkan kerana melebihi jarak yang dibenarkan PBB. Pada pandangan kami, jika PBB mahu ia dimusnahkan, Iraq kena musnahkan bagi membuktikan keikhlasan mereka. Bagaimanapun, terpulang kepada Iraq sama ada mahu mematuhi arahan ini atau tidak. Tetapi, kita rasa, Iraq patut mematuhi arahan PBB ini. Iraq bagaimanapun berkata, mereka tiada peluru berpandu dan apa-apa juga yang boleh membahayakan pihak lain.

SOALAN: Apa pandangan anda jika jika Iraq diserang? Apakah kesannya?

DR MAHATHIR: Harga minyak akan naik. Pada masa ini, dengan ancaman perang saja harga minyak sudah naik. Malah, ada yang mengatakan harganya boleh mencecah sehingga RM200 (AS\$50) bagi satu tong. Jika ini berlaku, ekonomi dunia akan berdepan masalah besar, terutama negara miskin yang tidak mampu membayar harga minyak ini. Pertumbuhan perdagangan dan

ekonomi

akan menghadapi kesan buruk dan ia juga akan menjejaskan jualan Amerika. Perang akan menghentikan pertumbuhan ekonomi dunia, termasuk di negara kaya. Namun, yang paling terjejas ialah negara miskin.

SOALAN: Amerika mahukan perubahan rejim berlaku di Iraq. Bagaimana negara Islam dapat memainkan fungsi dalam hal ini sedangkan negara Islam sendiri tidak bersatu?

DR MAHATHIR: Amerika mahukan perubahan rejim sama ada perang atau tidak.

Jika perubahan itu diterima rakyat Iraq, kita tidak ada hak untuk menafikan hak mereka untuk menerima apa juga kerajaan yang mereka mahu. Kita perlu tunggu dan lihat sehingga ia berlaku sama ada berlaku tentangan, penolakan malah perang saudara. Kita perlu tunggu sehingga rakyat Iraq membuat keputusan. Ini perlu diserahkan kepada rakyat Iraq untuk membuat pilihan.